



# SUKAN KOMANWEL

## Review pencapaian skuad negara


Oleh Ajitpal Singh dan Nor Hairulnizam Wahid  
sukanteam@NSTP.com.my

**T**emasya sukan kedua terbesar dunia, Komanwel melabuhkan tirainya secara rasmi malam kelmarin dan bumi Gold Coast menyimpan pelbagai cerita pahit manis semula atlet yang bertanding.

Masing-masing memasang impian untuk kembali menggegar ketika temasya serupa bakal dilangsungkan empat tahun lagi di Birmingham.

Bagi yang berjaya, pastinya mahu meningkatkan prestasi dan bagi yang gagal, tempoh yang ada ini perlu digunakan sebaik mungkin untuk memastikan kelabit mereka tidak lagi diperlekehkan pada 2022 nanti.

Ikuti pandangan serta ulasan wartawan yang terbit secara langsung di Gold Coast 2018.



### BERBASIKAL

Pencapaian 2014 ● 1 gangsa  
Sasaran 2018 ○ 1 pingat  
Pencapaian 2018 tiada pingat

Nyata sekali isu jangkitan virus dialami Azizulhasni Awang turut memberi impak terhadap misi skuad basikal negara di Sukan Komanwel.

Pemenang pingat gangsa di Glasgow itu hanya mampu menduduki tangga keenam dalam aksi final acara kejirin selain menarik diri daripada acara pecut susulan isu kesihatannya itu.

Australia, New Zealand dan Scotland ternyata lebih bersedia apabila saling mengisi kedudukan di mana sukar pelumba negara berdiri sama tinggi dengan mereka.



### TRIATLON

Pencapaian 2014 tidak mengambil bahagian  
Sasaran 2018 tiada  
Pencapaian 2018 tiada pingat

Kedua-dua wakil negara gagal memberi saingan berdepan lawan yang jauh lebih baik. Yang Chen Yin menamatkan saingan di tempat tercorot dalam kategori wanita manakala Chong Xian How pula di tempat ke-30 daripada 36 peserta bertanding.



### MENEMBAK

Pencapaian 2014 ● 1 gangsa  
Sasaran 2018 ○ 1 emas  
Pencapaian 2018 ● 1 gangsa

Sudah tiba masanya untuk tidak lagi bergantung kepada muka lama bagi memastikan sasaran ke Komanwel selain menggilap lebih ramai muka baru untuk edisi Komanwel akan datang.

Kejayaan Alia Sazana Azahari meraih gangsa dalam acara pistol 25m wanita membayangkan prestasi konsisten atlet berkenaan ketika tembakan yang lainnya 'tersasar'.



### BOLA KERANJANG

Pencapaian 2014 tiada pingat  
Sasaran 2018 separuh akhir  
Pencapaian 2018 peringkat kumpulan

Pasukan bola keranjang wanita tidak ubah seperti pelengkap Jadual di sini biarpun meraih pingat emas di Sukan SEA tahun lalu.

Banyak lagi yang perlu dilakukan skuad berkenaan jika mahu setanding dengan pasukan lainnya.



### OLAHRAGA

Pencapaian 2014 tiada pingat  
Sasaran 2018 ○ 1 pingat  
Pencapaian 2018 ● 1 gangsa

Skuad olahraga negara wajar berterima kasih kepada atlet paralimpik Mohd Afiq Ali Hanafiah kerana mengakhiri kemarau 16 tahun negara menanti pingat

skuad berbasikal di Sukan Komanwel.

Tanpa beberapa pemain utama, Stephen Van Huizen terpaksa menjadikan Sukan Komanwel sebagai medan menguji muka baru namun mereka menampilkan prestasi lebih baik apabila menamatkan saingan di tangga kelima.

Nampaknya percaturan untuk mengetengahkan atlet Program Podium iaitu Nauraj Singh, Mohd Irfan Shamshuddin dan Muhammad Hakimi Ismail berakhir dengan penuh kekecewaan.

Harapan yang diletakkan di bahu mereka lebur begitu saja apabila beraksi di bawah tahap kemampuan sebenar berbanding rekod dicatat mereka selama ini.

Namun apa yang pasti, ia satu proses yang mematangkan skuad negara yang mahu melakar kejayaan di Sukan Asia.



### HOKI


Pencapaian 2014 ke-7 (lelaki)  
ke-7 (wanita)  
Sasaran 2018 ke-6 (lelaki)  
ke-6 (wanita)  
Pencapaian 2018 ke-5 (lelaki)  
ke-8 (wanita)

Tanpa beberapa pemain utama, Stephen Van Huizen terpaksa menjadikan Sukan Komanwel sebagai medan menguji muka baru namun mereka menampilkan prestasi lebih baik apabila menamatkan saingan di tangga kelima.

Nampaknya percaturan untuk mengetengahkan atlet Program Podium iaitu Nauraj Singh, Mohd Irfan Shamshuddin dan Muhammad Hakimi Ismail berakhir dengan penuh kekecewaan.

Harapan yang diletakkan di bahu mereka lebur begitu saja apabila beraksi di bawah tahap kemampuan sebenar berbanding rekod dicatat mereka selama ini.

Namun apa yang pasti, ia satu proses yang mematangkan skuad negara yang mahu melakar kejayaan di Sukan Asia.



# SUKAN KOMANWEL



# Gold Coast 2018



### TERJUN

Pencapaian 2014 ● 1 emas  
● 2 perak  
● 1 gangsa  
Sasaran 2018 ○ 1 emas  
Pencapaian 2018 ● 1 emas  
● 2 gangsa

Sebaik gandingan Pandelela Rinong-Cheong Jun Hoong meraih emas dan dua lagi gangsa daripada Nur Dhabitah Sabri-Leong Mun Yee ia memberi isyarat skuad terjun negara akan memberi kejutan kali ini.

Namun, harapan yang diletakkan tidak menjadi kenyataan. Mereka terus gagal menghadirkan pingat meskipun berjaya menempah tiket ke final. Ia mungkin kompeni mengelakkan skuad terjun yang kelihangan sentuhan magis Yang Zhiliang selepas kontraknya tidak disambung akhir tahun lalu.



### BADMINTON

Pencapaian 2014 ● 3 emas  
Sasaran 2018 ○ 3 emas  
Pencapaian 2018 ● 2 emas  
● 1 perak  
● 2 gangsa

Jika tidak kerana kejayaan Datuk Lee Chong Wei serta Vivian Hoo-Chow Mei Kuan meraih emas pada hari terakhir, skuad badminton pasti pulang dengan malu besar.

Kegagalan pasukan campuran mempertahankan gelaran mereka kepada India, serta tumbangnya juara bertahan Goh V Shem-Tan Wee Kiong pada separuh akhir wajar menjadi semboyan kebangkitan buat BAM untuk mengurang strategi menghadapi Sukan Komanwel berikutnya.

Kebangkitan pemain dari England dan India khususnya tidak boleh lagi dipandang sebelah mata, melihat sejauh mana mereka melangkah pada Sukan Komanwel kali ini. Apatah lagi ini adalah penampilan terakhir Chong Wei di pentas Komanwel. Soalnya kini, siapa yang mempunyai semangat dan kekentalan seperti?

England dan India khususnya

tidak boleh lagi dipandang sebelah mata, melihat sejauh mana mereka melangkah pada Sukan Komanwel kali ini.

Apatah lagi ini adalah penampilan terakhir Chong Wei di pentas Komanwel. Soalnya kini, siapa yang mempunyai semangat dan kekentalan seperti?

Meskipun terlepas gangsa,

Bonnie dilihat jaguh dalam

pembikinan yang mampu meraih pingat pada edisi Komanwel selepas ini.



### POWERLIFTING

Pencapaian 2014 ● 1 gangsa  
Sasaran 2018 ○ 1 emas  
Pencapaian 2018 ● 1 perak

Biarpun mengambil masa sehari, pencapaian atlet powerlifting negara mempari prestasi yang tidak boleh dilupakan.

Dua wakil negara Jong Yee Kieh dan Bonnie Bunyau Gustin, ternyata tidak menghamparkan.

Yee Kieh memperbaiki pencapaiannya di Glasgow apabila meraih perak di Gold Coast manakala Bonnie yang bergelar juara remaja dunia turut memperbaiki rekod berkenaan sebanyak dua kali pada hari itu.

Meskipun terlepas gangsa, Bonnie dilihat jaguh dalam pembikinan yang mampu meraih pingat pada edisi Komanwel selepas ini.



### RENANG

Pencapaian 2014 tiada pingat  
Sasaran 2018 tiada sasaran  
Pencapaian 2018 tiada pingat

Tidak sukar untuk meramalkan nasib perenang negara ketika Pusat Akuatik Optus lebih dikuasai wakil tuan rumah.

Malah harapan diletakkan terhadap Welson Sim juga tidak mampu meraih kedudukan podium biarpun layak ke final namun ia juga menyerlahkan potensi dimiliki Tern Jian Han kali ini.

Justeru ia menjadi pendedahan terbaik buat skuad renang negara sebagai persiapan ke Sukan Asia, Ogos ini.



### SKUASY

Pencapaian 2014 ● 1 emas  
● 1 perak  
● 1 gangsa  
Sasaran 2018 ○ 1 emas  
Pencapaian 2018 ● 1 gangsa

Tidak seperti dua edisi sebelumnya, Datuk Nicol David dilihat sudah melepas zaman gemilangnya di pentas Sukan Komanwel apabila gagal mempertahankan gelaran perseorangan wanita yang dimilikinya di New Delhi dan Glasgow.

Bukan saja terlepas emas, malah tidak mampu untuk membawa pulang gangsa apabila tewas kepada pemain Wales, Tesni Evans.

Hanya Nafizwan Adnan menjadi pengubat kecemasan apabila meraih gangsa dalam acara perseorangan lelaki.

Namun, apa yang pasti generasi muda yang turut diberi harapan kali ini mampu menjadi lebih baik pada edisi Sukan Komanwel berikutnya.



### RAGBI

Pencapaian 2014 tempat terakhir  
Sasaran 2018 12 teratas  
Pencapaian 2018 gagal lepasi peringkat kumpulan

Penyertaan skuad ragbi tujuh sebelah negara tidak lebih daripada sekadar memberi pendedahan untuk ke Sukan Asia.

Nyata mereka terlalu jauh untuk dibandingkan dengan Afrika Selatan, Scotland mahu pun Papua New Guinea tetapi keupayaan merapatkan jurang kalah selain try tunggal daripada Muhammad Firdaus Tarmizi mungkin mampu melonjakkan motivasi mereka untuk kejohanan selepas ini.



### PING PONG

Pencapaian 2014 tiada pingat  
Sasaran 2018 suku akhir  
Pencapaian 2018 ● 1 gangsa

Langsun tidak diletakkan harapan untuk meraih pingat bukan bermakna skuad ping pong negara tidak mampu menghadirkan kejutan.

Menyenara ramaikan muda membuatkan persatuan hanyalah meletakkan sasaran untuk mara ke akhir.

Kebanyakan mereka menepati ramalan khususnya dalam acara beregu tetapi gandingan Ho Ying dan Karen Lyne membuktikan kemampuan mereka lebih daripada itu.

Azroy Hazal Izhar Ahmad memastikan emas pertama negara dalam kategori 56kg selain meleburkan rekod Amirul Hamizan Ibrahim dalam acara snatch di New Delhi dan keseluruhan di Manchester 2002.

Muhammad Aznil Bidin mengikuti jejak Azroy untuk meraih emas kedua negara dalam kategori 62kg sebelum Fazrul Azrie Mohd had meraih gangsa dalam kategori 85kg.

Lebih membanggakan, enam rekod kebangsaan berjaya dipecahkan dan tidak keterlaluan jika pencapaian ini mampu 'membersihkan' imej sukan berkenaan dan kembali diterima menyertai sukan teras.

Malah harapan diletakkan terhadap Welson Sim juga tidak mampu meraih kedudukan podium biarpun layak ke final namun ia juga menyerlahkan potensi dimiliki Tern Jian Han kali ini.

Justeru ia menjadi pendedahan terbaik buat skuad renang negara sebagai persiapan ke Sukan Asia, Ogos ini.